

KELUARAN  
KHAS

PENDIDIKAN & LATIHAN

# Memori indah 4 beradik

■ Terima ijazah Sarjana Pendidikan selepas ikuti pembelajaran teradun di AeU

Oleh Hamizah Badiran  
hamizah@hmetro.com.my

Istiadat Konvokesyen Asia e University (AeU) kali ke-5 yang berlangsung pada 20 September lalu meninggalkan pelbagai memori bermakna buat pelajar termasuk empat bersaudara yang naik ke pentas untuk menerima ijazah masing-masing.

Rosline, Rosie, Lily dan Jane Sabil memulakan perjalanan bersama AeU pada Januari 2014 dengan memilih program Sarjana Pendidikan.

Walaupun mereka bertugas di tiga sekolah yang berbeza iaitu Sekolah Kebangsaan Bongkud dan Sekolah Mene-

ngah Kebangsaan (SMK) Lohan di Ranau serta SMK Desa Wawasan di Tambunan, mereka tidak menghadapi sebarang kesulitan memenuhi keperluan pengajian.

Ini berikutan, kaedah pembelajaran teradun diaplikasikan AeU dan jadual kelas sangat anjal serta praktikal.

Menurut Jane sebelum ini, dia dan tiga kakaknya bimbang bagaimana mahu membahagikan komitmen kerja dan pengajian, namun selepas didedahkan dengan kaedah pembelajaran teradun yang diguna pakai AeU, mereka yakin pembelajaran sepanjang hayat dapat direalisasikan.

“Dengan bahan pembelajaran tersedia secara dalam

talian dan penggunaan sistem teknologi baru secara berte-rusan, ia menjadikan proses pembelajaran lebih mudah dan murah,” katanya.

Melalui kaedah pembelajaran teradun, pelajar boleh mendapatkan nota pengajian melalui portal pelajar atau lebih dikenali sebagai Personalised Learning Space (PLS) dan kelas akan diadakan sekali dalam sebulan pada hujung minggu di pusat pembelajaran di bandar terhampir dengan pelajar.

Interaksi bersama fasilitator akademik (AF) juga boleh dilaksanakan secara dalam talian mengikut jadual yang dipersetujui AF dan pelajar.

Ditubuhkan pada 2007,



FOTO: NSTPHOTO@GMAIL

DARI kiri, Rosie, Lily, Jane dan Rosline meraikan konvokesyen pada hari yang sama 20 September lalu.

AeU mengorak langkah dengan yakin sehingga menjadi antara peneraju dan organisasi paling aktif mempromosikan Pendidikan Terbuka Jarak Jauh (ODL) di Asia.

Fokus AeU selaku institusi yang menyokong penuh kaedah ODL adalah jelas iaitu

menyediakan platform pendidikan tinggi yang berkualiti, mudah diakses dan mampu disertai semua golongan masyarakat di Asia.

Selain kampus utama yang terletak di Kuala Lumpur, AeU terus memperluaskan jaringannya dengan pembu-

kaan pusat pembelajaran di seluruh negara meliputi lokasi strategik di bandar utama serta di kawasan luar bandar di Semenanjung dan di Sabah dan Sarawak.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di talian bebas tol 1 300 300 238. +